

01 MAR 2003

Sosial-Suruhanjaya

PM AKAN PENGERUSI SURUHANJAYA KHAS PANTAU DSN

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan suruhanjaya khas yang akan memantau pelaksanaan Dasar Sosial Negara (DSN).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Dr Tiki Lafe berkata suruhanjaya itu ditubuhkan selepas DSN diluluskan oleh Kabinet pada 19 Feb lepas.

"Satu suruhanjaya akan ditubuhkan dan Perdana Menteri akan jadi pengerusi. Suruhanjaya itu akan ditubuhkan oleh kerajaan untuk memantau pelaksanaan dasar itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Universiti Malaya di sini hari ini.

Hari Keluarga yang pertama kali dianjurkan itu, disertai 8,000 kakitangan universiti berkenaan.

Katanya kementerian akan bertindak sebagai sekretariat bagi melaksanakan dasar itu. Bagaimanapun, anggota suruhanjaya belum ditetapkan.

Dr Tiki berkata dasar itu merupakan dasar payung dan menekankan aspek kemanusiaan yang akan menjadi rujukan dasar-dasar lain seperti Dasar Pembangunan Negara dan Dasar Pertanian Negara.

"Satu instrumen untuk melaksanakan dasar itu ialah dengan mewujudkan Penilaian Kesan Sosial (SIA). Semua pembangunan mesti mempunyai SIA sebelum dilulus dan dilaksanakan," katanya.

DSN merangkumi falsafah dan pelbagai dasar sosial yang memberi hala tuju kepada perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sosial bagi mewujudkan pembangunan yang seimbang.

Penggubalan DSN yang dilakukan sejak akhir 1999 telah ditimbang serta diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah-masalah Sosial tahun lepas.

-- BERNAMA

MUN AZZ LAT